

MISI HADR SULAWESI OLEH TUDM DITERUSKAN PADA HARI KE-3

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3973-misi-hadr-sulawesi-oleh-tudm-diteruskan-pada-hari-ke-3

INDONESIA, 6 Okt 18 - Misi Bantuan Kemanusiaan bagi bencana yang dialami di Sulawesi diteruskan pada hari ke-3 dengan penglibatan sebuah pesawat C130H milik TUDM yang berlepas ke Palu dari Balikpapan. TUDM membawa 100 orang POLRI bagi membantu, mencari dan menyelamatkan di kawasan bencana.



Dalam masa sama di Jakarta, Panglima Koopsau I, Marsekal Muda TNI Nanang Santoso serta Lt Kol Rosmal bin Abd Malek TUDM, Penolong Penasihat Pertahanan (Udara) Malawakil Jakarta sama-sama menyaksikan pelepasan pesawat A400M yg membawa muatan barangan keperluan sebanyak 15 tan untuk diterbangkan ke Balikpapan. Pesawat angkut A400M yang telah tiba sejak Khamis lepas ke Jakarta masih belum mendapat pelepasan mendarat di Palu disebabkan kerosakan landasan. Sehingga hari ketiga misi HADR yang dilakukan TUDM, empat buah lori tangki minyak Pertamina Lubricants, barangan perubatan, barangan keperluan asas dan pelbagai lagi peralatan telah berjaya diangkut oleh pesawat ini dari Kota Jakarta ke Balikpapan.



Semoga misi yang digalas ini akan berjalan dengan lancar dan selamat.



